

DASAR HARTA INTELEK

Ground Floor
UiTM-MTDC Technopreneur Centre
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor DE
+603 5544 2747 / +603 5544 2787
+60355442790

bitcom@uitm.edu.my

<https://bitcom.uitm.edu.my/index.php/en/>

Prakata	
Pengenalan	
Tujuan Dasar	1
Skop Pemakaian	1
Undang-Undang Dan Dasar-Dasar Yang Berkaitan	2
Takrifan	3
Kriteria Asas Dalam Memohon Perlindungan Harta Intelekt	7
Hak Milik Dan Kepentingan Ke Atas Harta Intelekt	9
Perjanjian Membangunkan Harta Intelekt Sedia Ada Di Antara Universiti Teknologi MARA, UiTM Dengan Pihak Luar	13
Larangan Dan Sekatan Ke Atas Staf, Pelajar Dan Rakan Sekutu Universiti Teknologi MARA, UiTM	14
Penghargaan Dan Pengiktirafan	16
Insentif Khas Kepada Pencipta	17
Tanggungjawab Memberi Makluman Berhubung Penghasilan Harta Intelekt	17
Penyelesaian Pertikaian	19
Perlaksanaan Dan Penguatkuasaan Dasar Ini	19
Kuasa Universiti	22
Tarikh Dasar Ini Berkuat Kuasa	22
Rujukan	

Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah salah sebuah universiti utama di Malaysia yang aktif menjalankan berbagai projek penyelidikan dan secara langsung menghasilkan banyak produk rekacipta dan inovasi. Bagi memanfaatkan hasil penyelidikan ini, adalah amat penting untuk reka cipta dan produk inovasi ini diberi perlindungan di bawah undang-undang harta intelek. Umum mengetahui harta intelek amat penting untuk pertumbuhan ekonomi dan sosial, bukan sahaja di negara kita, malah di peringkat global. Oleh yang demikian, tujuan utama Dasar Harta Intelek UiTM (DHI UiTM) ini adalah untuk menggalakkan penghasilan harta intelek yang berterusan di UiTM dengan menyediakan kaedah dan garis panduan yang jelas kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan harta intelek di UiTM iaitu, staf, pelajar, rakan kerjasama dan pemegang taruh lain yang berkenaan.

DHI UiTM ini menggariskan hak dan kepentingan UiTM sebagai pemilik harta intelek dan pada masa yang sama memperakukan dan memberikan manfaat yang wajar kepada staf, pelajar dan rakan kerjasama sebagai pencipta, pereka atau penulis yang menghasilkan produk inovasi atau sesuatu karya harta intelek tersebut. DHI UiTM ini juga mewujudkan satu unit khas di bawah tadbir urus pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) iaitu Business Innovation and Technology Commercialization (BITCOM) yang diberi amanah menguruskan permohonan perlindungan harta intelek dan menyelenggara semua harta intelek UiTM di bawah skop pemakaian DHI UiTM ini. Dengan pengurusan harta intelek yang efektif, pengkomersialan dan eksploitasi hasil penyelidikan UiTM yang mampan dan berimpak tinggi akan dapat dicapai.

Akhir kata, dengan berpandukan DHI UiTM ini, warga UiTM akan dapat mengoptimumkan hasil penyelidikan mereka dengan perlindungan harta intelek dan seterusnya pengkomersialan harta intelek tersebut. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada UiTM dan pencipta, malah ianya juga memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial manusia sejagat.

Sekian, wassalam.

NAIB CANSELOR

Pengenalan

Universiti adalah sebuah institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran peringkat tertinggi, disamping berfungsi sebagai hub penyelidikan pelbagai disiplin. Institusi ini juga berperanan dalam memastikan hasil dan manfaat dari aktiviti-aktiviti tersebut dapat digunakan oleh pihak-pihak luar seperti rakan industri dan masyarakat awam dan tidak hanya tersimpan dalam sempadan universiti.

Justeru, Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa berusaha dalam membantu warga staf, pelajar, dan rakan-rakan sekutu untuk membangunkan produk-produk kreatif dan inovatif dari pengaplikasian ilmu serta penemuan penyelidikan mereka.

Selaras dengan inisiatif ini, Dasar Harta Intelek (DHI) UiTM telah diwujudkan untuk mendokong pembudayaan penyelidikan dan inovasi dalam suasana yang lebih kondusif dan teratur – dengan berpandukan peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis berkaitan harta intelek dan beberapa dasar kerajaan Malaysia.

DHI juga menggariskan suatu rangka kerja yang jelas tentang aspek pengenalpastian, pengurusan, dan pengkomersialan harta intelek UiTM. Melalui DHI, aspek-aspek teras seperti sempadan perlindungan harta intelek dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkaitan seperti Business Innovation & Technology Commercialization (BITCOM) dapat ditetapkan dengan jelas.

Melalui DHI, UiTM beriltizam untuk terus membantu warga staf, pelajar, dan rakan-rakan sekutu dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pengkomersialan seperti rundingan dan pelesenan, menjalinkan kerjasama dengan rakan industri dan universiti lain, serta menjana pendapatan bagi pencipta harta intelek dan UiTM. Tuntasnya, DHI ini adalah penting agar harta intelek UiTM dapat dilindungi dengan baik, disamping memastikan manfaatnya dapat dinikmati bersama oleh pelbagai pihak.

1. TUJUAN DASAR

- 1.1 Dasar Harta Intelek Universiti Teknologi MARA (selepas ini dirujuk sebagai 'Dasar ini') bertujuan untuk mengurus dan mengendalikan aspek-aspek permohonan perlindungan, penentuan hak milik dan lain-lain kepentingan, serta penguatkuasaan hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek yang dihasilkan oleh pihak-pihak yang mempunyai hubungan undang-undang sama ada kontraktual atau benefisiari dengan UiTM.
- 1.2 Secara khususnya, Dasar ini mengurus dan mengendalikan proses:
 - a. Mengenal pasti mana-mana Harta Intelek yang mana UiTM mempunyai hak dan/atau kepentingan ke atasnya.
 - b. Mendapatkan perlindungan secara formal ke atas mana-mana Harta Intelek yang mana hak dan/atau kepentingannya dituntut oleh UiTM.
 - c. Menentukan pihak yang berhak mendapat hak milik, hak-hak eksklusif/bukan eksklusif dan lain-lain kepentingan ke atas Harta Intelek yang diurus dan dikawal selia di bawah Dasar ini.
 - d. Menguatkuasakan hak dan kepentingan eksklusif/bukan eksklusif UiTM yang terbit daripada penentuan milik, penyerahan hak dan/atau pemberian lesen di bawah Dasar ini ke atas mana-mana Harta Intelek.
 - e. Penyelesaian pertikaian berhubung Harta Intelek yang berbangkit daripada pelaksanaan Dasar ini.
- 1.3 Selain dari itu, Dasar ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM yang menghasilkan atau memberi sumbangan dalam penghasilan karya, ciptaan, rekaan dan lain-lain Harta Intelek yang diurus dan dikendalikan di bawah Dasar ini.

2. SKOP PEMAKAIAN

Dasar ini terpakai ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, yang mana hak dan/atau kepentingan ke atas harta intelek tersebut dimiliki oleh UiTM di bawah Dasar ini.

3. UNDANG-UNDANG DAN DASAR-DASAR YANG BERKAITAN

- 3.1 Dasar ini digubal selaras dengan peruntukan undang-undang bertulis berkaitan Harta Intelek (khususnya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geografi 2021, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000) dan undang-undang tidak bertulis (khususnya Undang-undang 'Common Law') berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia. Dasar ini juga menjadikan Perlembagaan Persekutuan Malaysia (khususnya Perkara 13 – hak terhadap harta) sebagai asas kepada penggubalannya.
- 3.2 Dasar-dasar peringkat kebangsaan khususnya Dasar Harta Intelek Negara (2007) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009) dan Dasar Inovasi Negara (2010) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut dijadikan rujukan dalam penggubalan Dasar ini.
- 3.3 Selain dari itu, Dasar ini juga digubal dengan mengambil kira dasar-dasar yang berkaitan di UiTM.

4. TAKRIFAN

4.1 Untuk tujuan Dasar ini, terma dan definisi berikut digunakan:

a	Bahan pengajaran dan pembelajaran bermaksud bahan yang dihasilkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UiTM yang layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang harta intelek. Bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan ilmiah (buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding atau apa-apa penulisan lain), perisian kursus (audio visual syarahan, nota kuliah/tutorial, slaid persembahan), penilaian kursus (kertas ujian dan kertas peperiksaan), perisian komputer, tesis, disertasi, kertas projek dan tugas sama ada dalam bentuk bertulis atau digital.
b	Hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan bermaksud sepanjang tempoh perlindungan hak cipta, pemegang lesen dibenarkan menghasilkan semula dan mengedarkan karya tersebut untuk sebarang tujuan, dalam semua bentuk dan medium, tanpa perlu membayar apa-apa royalti kepada pemegang hak milik Harta Intelek.
c	Hak Harta Intelek bermaksud semua jenis hak (hak milik, hak eksklusif dan hak moral) dan apa-apa kepentingan (selaku pemegang lesen) yang diiktiraf dan dilindungi di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis, khususnya semua hak dan kepentingan yang timbul daripada undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan dan maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan.
d	Harta Intelek bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang Harta Intelek, khususnya undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan dan undang- undang 'Common Law'.

e	<p>Harta Intelekt UiTM bermaksud semua Harta Intelekt yang mana UiTM mempunyai hak dan/atau kepentingan kontraktual atau kepentingan ekuiti hasil daripada pemberian/penyerahan hak milik, pemberian lesen atau operasi perundangan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.</p>
f	<p>Hak Moral bermaksud hak integriti dan atributasi yang diberikan kepada karyawan, khususnya di bawah Akta Hak Cipta 1987 bagi melindungi nilai peribadi dan reputasi karyawan tersebut. Hak Moral ini wujud tanpa mengambil kira sama ada karyawan tersebut merupakan pemilik Harta Intelekt berkenaan atau tidak. Hak integriti memberi hak kepada karyawan (atau selepas kematiannya, warisnya) untuk membantah sebarang perubahan, pindaan, kecacatan atau apa-apa pengubahsuaian lain pada karya itu yang boleh menjejaskan nama baik atau reputasi karyawan tersebut. Hak atributasi memberi hak kepada karyawan untuk diberikan kredit atas mana-mana bahagian karyanya yang dipetik, diguna atau diterbitkan semula di dalam karya yang lain.</p>
g	<p>Karyawan merujuk kepada seseorang yang mana karyanya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.</p>
h	<p>Kepentingan Ekuiti bermaksud kepentingan yang dipegang berdasarkan hak milik ekuiti (hak milik yang menunjukkan kepentingan benefisiari dalam harta dan memberikan hak kepada pemegang untuk memperoleh hak milik yang sah) atau tuntutan atas dasar ekuiti, seperti kepentingan yang dipegang oleh benefisiari amanah. Kepentingan ekuiti ialah hak dari segi ekuiti dan, jika dilanggar (mengalami kemudaratan), tertakluk kepada penyelesaian melalui remedi ekuiti.</p>
i	<p>Lesen bermaksud hak untuk mengeksploitasi Hak Harta Intelekt (merangkumi hak eksklusif/tunggal/bukan eksklusif/bersilang) yang diberikan oleh pelesen (sama ada pemilik Harta Intelekt atau pemegang lesen sedia ada) kepada satu atau lebih pihak lain (dikenali sebagai pemegang lesen atau pemegang sub-lesen, tertakluk kepada keadaan).</p>
j	<p>Maklumat Sulit meliputi semua jenis data/maklumat dalam bentuk lisan/bertulis/audio/visual sama ada bercetak atau digital yang mengandungi data/maklumat perdagangan, peribadi, saintifik, penyelidikan, organisasi, kerajaan, ketenteraan atau lain-lain data/maklumat yang perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum.</p>

k	<p>Pelajar diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Pelajar UiTM bermaksud sesiapa sahaja yang diiktiraf sebagai Pelajar UiTM di bawah Akta 173, yang meliputi pelajar pasca ijazah, ijazah sarjana muda, diploma, sijil, asasi atau pra-diploma yang berdaftar dan berstatus aktif dengan UiTM sama ada sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa di dalam kampus atau di luar kampus UiTM.</p>
l	<p>Pembiak Baka Baru merujuk kepada seseorang yang mana baka baru tumbuhan yang dibiakkannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana- mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.</p>
m	<p>Pencipta merujuk kepada seseorang yang mana ciptaannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Paten 1983 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.</p>
n	<p>Penyerahan Hak bermaksud memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu Harta Intelek</p>
o	<p>Pengkomersialan dalam konteks Dasar ini bermaksud aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan/atau pulangan kewangan daripada Harta Intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (i) penyerahan hak (<i>assignment</i>) dan/atau pelesenan (<i>licensing</i>) sebahagian atau keseluruhan Hak Harta Intelek dengan balasan kewangan/royalti yang setimpal; (ii) penubuhan syarikat 'Spin-Off' atau Syarikat Usaha sama yang menghasilkan, membuat, mengilang, mengeluarkan, membekal, memasarkan atau <i>memfrancaiskan</i> produk/perkhidmatan yang mengandungi atau mengguna pakai Harta Intelek UiTM; (iii) pemindahan teknologi oleh UiTM kepada Pihak Luar dengan balasan kewangan yang setimpal.</p>
p	<p>Pereka merujuk kepada seseorang yang mana rekaannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan/atau Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia</p>

q	<p>Perjanjian dalam konteks Dasar ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada Memorandum Persefahaman (MoU)/Memorandum Persetujuan (MoA), Perjanjian Penyelidikan dan Pembangunan Usaha Sama, Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement), Perjanjian Penyerahan Hak Harta Intelek (Assignment), Perjanjian Pemberian Lesen (Licensing Agreement), Perjanjian Pemindahan Teknologi dan Perjanjian Pertukaran Staf.</p>
r	<p>Pihak Luar bermaksud pihak selain daripada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM yang tidak memasuki sebarang Perjanjian atau mempunyai sebarang ikatan kontraktual dengan UiTM pada atau semasa mana-mana Harta Intelek dihasilkan.</p>
s	<p>Rahsia Perdagangan meliputi formula, kaedah, amalan, proses, resipi dan lain-lain pengetahuan (know-how) yang dirahsiakan dan/atau belum menjadi pengetahuan umum yang memberi kelebihan ekonomi kepada pemilik rahsia perdagangan tersebut ke atas pesaing perniagaannya.</p>
t	<p>Rakan Sekutu termasuk, tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, profesor adjung, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput secara rasminya oleh UiTM (sama ada dengan atau tanpa ikatan kontrak) bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi, tetapi bukan merupakan Staf atau Pelajar UiTM.</p>
u	<p>Senat UiTM adalah merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16A Akta UiTM 1976 (Akta 173).</p>
v	<p>Staf diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Staf UiTM bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh UiTM, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi staf akademik dan staf bukan akademik.</p> <p>i. Staf Akademik merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada profesor, pensyarah, tutor dan pembantu pensyarah dan juga meliputi semua gred dan pangkat.</p>

	ii. Staf Bukan Akademik merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada bendahari, pendaftar, jurutera, arkitek, pegawai eksekutif, pembantu makmal, pembantu tadbir, pembantu am dan lain-lain Staf sokongan dan juga meliputi semua gred dan pangkat.
w	UiTM atau Universiti bermaksud Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta UiTM 1976 (Akta 173) dan termasuk juga penerima serah hak serta agen atau staf yang dilantik/diberi kuasa untuk mewakili/bertindak bagi pihaknya.
x	Urusan Pekerjaan merujuk kepada tugas hakiki, skop tugas dan tanggungjawab biasa pekerjaan seseorang Staf sebagaimana yang terkandung di dalam surat pelantikan dan/atau perjanjian perkhidmatannya.

5. KRITERIA ASAS DALAM MEMOHON PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

- 5.1 Kriteria asas yang digunakan oleh UiTM dalam membuat keputusan sama ada untuk memohon perlindungan ke atas Harta Intelekt yang mana ianya mempunyai hak dan/atau kepentingan adalah seperti berikut:
- Paten** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Paten 1983 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika ciptaan itu adalah baru, melibatkan langkah-langkah penciptaan dan boleh diaplikasikan secara industri, serta mencadangkan penyelesaian teknikal kepada masalah tertentu dalam bidang teknologi.
 - Hak Cipta** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Hak Cipta 1987 tidak memerlukan permohonan perlindungan secara formal. Perlindungan secara automatik akan diberikan kepada mana-mana karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman suara dan penyiaran yang asli, berkuat kuasa serta-merta dari saat karya asli tersebut dihasilkan. UiTM melindungi hak dan kepentingannya dengan meletakkan simbol © pada semua karya miliknya.
 - Reka Bentuk Perindustrian** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Reka bentuk Perindustrian 1996 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika rekaan itu adalah baru, menarik dan belum pernah didedahkan kepada umum.

- d. **Cap Dagangan** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Cap Dagangan 2019 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika cap dagangan itu (sama ada dalam bentuk jenama, label, nama, tandatangan, perkataan, nombor atau apa-apa tanda niaga lain) boleh dibezakan dari cap dagangan yang lain.
 - e. **Petunjuk Geografi** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Petunjuk Geografi 2021 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain sesuatu barang adalah dianggap berpunca dari tempat asal geografinya.
 - f. **Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika reka bentuk susun atur litar bersepadu itu adalah rekaan yang asli.
 - g. **Varieti Baru Tumbuhan** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika tumbuhan itu adalah tumbuhan yang baka biaknya adalah baru, berbeza dari yang lain, seragam dan stabil.
 - h. **Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan** – Perlindungan Hak Harta Intelekt bagi Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan adalah dilindungi di bawah 'Common Law' dan tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan permohonan perlindungan secara formal dibuat. Perlindungan Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang dilindungi di bawah 'Common Law' akan dikuatkuasakan oleh UiTM dengan meminta Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM yang akan atau telah menerima/didedahkan dengan Rahsia Perdagangan atau Maklumat Sulit supaya menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (*Confidential Agreement*)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (*Non-Disclosure Agreement*) atau mana-mana perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.
- 5.2 Selain daripada kriteria asas yang diperihalkan di atas, Universiti juga boleh mengambil kira faktor kos, nilai komersial, potensi pasaran sesuatu Harta Intelekt tersebut dan lain-lain faktor yang relevan, dalam membuat keputusan sama ada untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelekt.

- 5.3 Permohonan perlindungan Hak Harta Intelekt boleh juga dibuat bagi Harta Intelekt yang tidak mempunyai nilai komersial dan/atau potensi pasaran, di mana UiTM mempunyai budi-bicara penuh dalam menentukan sama ada untuk memohon perlindungan ke atas Harta Intelekt tersebut.
- 5.4 UiTM selaku pemilik Harta Intelekt juga mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan negara dan/atau wilayah di mana ia hendak memohon perlindungan di peringkat antarabangsa bagi Hak Harta Intelekt tersebut.

6. HAK MILIK DAN KEPENTINGAN KE ATAS HARTA INTELEK

6.1 Staf

- a. Tertakluk kepada fasal 6.1(d) dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini, UiTM menuntut hak milik dan kepentingan mutlak dan sejagat ke atas semua Harta Intelekt yang dihasilkan oleh Staf UiTM di dalam urusan pekerjaan Staf tersebut.
- b. Semua Harta Intelekt yang direka cipta oleh Staf UiTM di luar urusan pekerjaannya adalah menjadi hak milik Staf tersebut, melainkan Harta Intelekt tersebut dihasilkan:
- i. Dengan menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UiTM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelekt tersebut.
 - ii. Melalui pembiayaan penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UiTM dan diperuntukkan kepada Staf tersebut.
 - iii. Daripada Harta Intelekt telah sedia ada milik UiTM atau yang dilesenkan kepada UiTM.
 - iv. Secara bersama dengan Staf UiTM lain di dalam urusan pekerjaan Staf tersebut.
 - v. Secara bersama dengan Pelajar dan/atau Rakan Sekutu UiTM yang mana UiTM menuntut hak milik di bawah Dasar ini; atau
 - vi. atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UiTM.
- c. Dalam keadaan (i) hingga (vi) di atas, UiTM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.

- d. UiTM tidak menuntut hak milik Harta Intelek ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan oleh Staf UiTM, termasuk di dalam urusan pekerjaannya, melainkan ia dihasilkan atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UiTM.
- e. Walau bagaimanapun, UiTM menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Staf tersebut.
- f. Apa-apa hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek yang diberikan oleh Staf UiTM sebagaimana yang diperihalkan di atas akan terus sah dan berkuat kuasa walaupun selepas Staf tersebut bukan lagi merupakan Staf UiTM sama ada disebabkan tamat tempoh kontrak/Perjanjian, bersara/berhenti/diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.
- g. Bagi memberi kesan undang-undang kepada fasal (e) dan (f) di atas, semua Staf dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut kepada UiTM semasa pengambilan mereka sebagai Staf atau bilamana didapati perlu.
- h. Di mana sesuatu Harta Intelek dihasilkan secara bersama, melibatkan dua atau lebih Staf UiTM, dan dalam keadaan di mana UiTM tidak menuntut hak milik Harta Intelek tersebut, maka hak milik ke atas Harta Intelek tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa Perjanjian di antara Staf tersebut.

6.2 Pelajar

- a. Tertakluk kepada fasal 6.2(c) dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini, UiTM menuntut hak milik dan kepentingan ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh Pelajar UiTM yang mana penghasilannya:
 - i. Menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UiTM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelek tersebut.
 - ii. Dibiayai secara penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UiTM dan diperuntukkan kepada Pelajar

UiTM tersebut.

- iii. Berpunca daripada penggunaan harta intelek sedia ada yang dimiliki oleh UiTM atau yang dilesenkan kepada UiTM.
 - iv. Secara bersama dengan staf, pelajar dan/atau Rakan Sekutu UiTM yang mana UiTM menuntut hak milik di bawah Dasar ini.
 - v. Atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UiTM.
- b. Dalam keadaan (i) hingga (v) di atas, UiTM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
 - c. UiTM tidak menuntut hak milik ke atas tesis, disertasi, kertas projek dan tugas Pelajar UiTM yang dihasilkan daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UiTM.
 - d. Walau bagaimanapun, UiTM menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Pelajar UiTM tersebut.
 - e. Apa-apa hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek yang diberikan oleh Pelajar UiTM kepada UiTM sebagaimana yang diperihalkan di atas, akan terus sah dan berkuat kuasa walaupun selepas Pelajar tersebut bukan lagi merupakan Pelajar UiTM sama ada disebabkan tamat tempoh pengajian/Perjanjian, berhenti/diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.
 - f. Bagi memberi kesan undang-undang kepada fasal (d) dan (e) di atas, Pelajar dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut kepada UiTM pada awal pengajian Pelajar atau bilamana didapati perlu.
 - g. Bagi mana-mana Harta Intelek yang dihasilkan oleh Pelajar yang mana UiTM menuntut hak milik atau kepentingan, UiTM mempunyai budi-bicara penuh untuk melepaskan/tidak menuntut hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut jika sekiranya Pelajar adalah terikat dengan perjanjian biasiswa, pembiayaan, atau tajaan yang menghendakinya menyerahkan hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut kepada pemberi biasiswa, pembiayaan atau penaja berkenaan. Walau bagaimanapun, budi bicara ini hendaklah

dilaksanakan tanpa prejudis atas tanggungjawab penzahiran dan atributasi Pelajar kepada UiTM.

- h. Sesuatu Harta Intelekt yang dihasilkan secara bersama, melibatkan dua atau lebih Pelajar UiTM, dan dalam keadaan di mana UiTM tidak menuntut hak milik Harta Intelekt tersebut, maka hak milik ke atas Harta Intelekt tersebut adalah tertakhluk kepada apa-apa Perjanjian di antara Pelajar tersebut.
 - i. Bagi Harta Intelekt yang dihasilkan melalui program akademik 2U21 atau yang setara dengannya, hak milik Harta Intelekt tersebut akan tertakhluk kepada apa-apa Perjanjian di antara pihak Universiti dan pihak industri yang berkenaan. Sekiranya, tiada Perjanjian berkenaan dengan hak milik Harta Intelekt dimeterai, maka hak milik akan tertakhluk kepada peruntukan undang-undang Harta Intelekt yang berkenaan.

6.3 Rakan Sekutu

- a. Hak milik semua Harta Intelekt yang dihasilkan di bawah Perjanjian di antara UiTM/wakil yang dilantiknya dengan Rakan Sekutu adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang termaktub di dalam Perjanjian tersebut.
- b. Kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Dasar ini, UiTM menuntut hak dan kepentingan ke atas semua Harta Intelekt yang dihasilkan oleh Rakan Sekutu yang mana penghasilannya:
 - i. Menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UiTM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelekt tersebut.
 - ii. Dibiayai sebahagian atau sepenuhnya melalui pembiayaan geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UiTM dan diperuntukkan kepada Rakan Sekutu.
 - iii. Dihasilkan daripada Harta Intelekt telah sedia ada milik UiTM atau yang dilesenkan kepada UiTM.
 - iv. Secara bersama dengan Staf atau Pelajar UiTM yang mana UiTM menuntut hak milik di bawah Dasar ini.
 - v. Atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UiTM.

- c. Dalam keadaan (i) hingga (v) di atas, UiTM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
 - d. Bagi melindungi hak dan kepentingan UiTM, apa-apa Perjanjian yang melibatkan Harta Intelek yang hendak dimasuki sama ada oleh Staf dan/atau Pelajar dengan Rakan Sekutu hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapat kebenaran bertulis dari UiTM.
 - e. Dalam memasuki Perjanjian dengan Rakan Sekutu, UiTM setakat mana yang wajar dan munasabah, hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat Perjanjian adalah mengambil kira dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.
- 6.4 Bagi tujuan fasal ini dan mana-mana fasal yang berkaitan (khususnya fasal 7 dan fasal 8 di bawah), sesuatu Harta Intelek akan dianggap sebagai telah dihasilkan secara bersama, jika sekiranya penghasilan Harta Intelek bergantung kepada sumbangan secara bersekutu oleh dua atau lebih pihak (tanpa mengambil kira darjah sumbangan dapat ditentukan dengan tepat atau tidak, asalkan ianya substantif).
- 6.5 Dalam keadaan di mana Harta Intelek dihasilkan secara bersama oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UiTM dengan Pihak Luar, dan UiTM mendapati ia berhak untuk menuntut apa-apa hak atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut daripada Staf, Pelajar, Rakan Sekutu tersebut, UiTM akan menuntut hak dan kepentingannya ke atas Harta Intelek yang dihasilkan secara bersama itu berdasarkan peruntukan Dasar ini atau mengikut terma dan syarat Perjanjian di antara pihak-pihak berkenaan (jika ada).

7. PERJANJIAN MEMBANGUNKAN HARTA INTELEK SEDIA ADA DI ANTARA UiTM DENGAN PIHAK LUAR

- 7.1 Dalam keadaan di mana UiTM bekerjasama dengan Pihak Luar untuk membangunkan secara bersama Harta Intelek sedia ada:
- a. yang mana hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek sedia ada dipegang oleh Pihak Luar tersebut, sebarang Perjanjian berhubung penghasilan Harta Intelek baru dari Harta Intelek sedia ada itu hendaklah setakat mana yang boleh dan wajar, memastikan terma dan syarat Perjanjian adalah selaras dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.

- b. yang mana hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelek sedia ada itu dipegang oleh UiTM, sebarang Perjanjian berhubung penghasilan Harta Intelek baru dari Harta Intelek sedia ada itu hendaklah setakat mana yang boleh dan wajar, memastikan terma dan syarat Perjanjian adalah selaras dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.
- 7.2 Jika sekiranya satu Perjanjian telah dimuktamadkan di antara UiTM, Staf, Pelajar atau Rakan Sekutunya dengan Pihak Luar tersebut, kewujudan mana-mana terma dan syarat Perjanjian yang bercanggah dengan Dasar ini tidak membatalkan Perjanjian tersebut dan terma-terma yang bercanggah itu tetap sah dan berkuat kuasa.

8. LARANGAN DAN SEKATAN KE ATAS STAF, PELAJAR DAN RAKAN SEKUTU UiTM

8.1 Larangan Ke Atas Pendedahan Awal Ciptaan/Rekaan

- a. Di mana Harta Intelek yang hak milik dan/atau kepentingannya dituntut oleh UiTM itu merupakan Harta Intelek yang tertakluk kepada syarat ciptaan atau rekaan baru (novelty), Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu adalah dilarang daripada membuat sebarang pendedahan awal (sama ada dalam bentuk penerbitan, pengumuman, pameran, eksploitasi, pengkomersialan Harta Intelek tersebut atau apa-apa data atau maklumat berkaitan Harta Intelek tersebut) yang boleh menjejaskan peluang UiTM untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek ke atasnya.
- b. Larangan ke atas pendedahan awal berkuat kuasa dari tempoh Harta Intelek tersebut dihasilkan sehingga permohonan perlindungan telah dibuat atau bilamana Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu telah dimaklumkan secara bertulis bahawa keputusan telah diambil oleh UiTM untuk tidak memohon perlindungan ke atas Harta Intelek berkenaan, yang mana terdahulu.
- c. Sebarang pendedahan awal bagaimanapun boleh dibuat dengan membuat permohonan bertulis dan setelah mendapat persetujuan secara bertulis dari UiTM. Sebarang persetujuan oleh UiTM untuk membenarkan pendedahan awal hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

8.2 Larangan Memasuki Perjanjian, Membenarkan Akses/Penggunaan Harta Intelek Dan Lain-Lain Kepada Pihak Luar

- a. Melainkan kebenaran secara bertulis diberikan oleh UiTM, Staf dan Pelajar UiTM adalah dilarang daripada:
 - i. Memasuki sebarang Perjanjian dengan Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek (selain daripada bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperihalkan di dalam fasal 6 Dasar ini) yang mana UiTM menuntut hak milik di bawah fasal 6 Dasar ini, tanpa terlebih dahulu merujuk dan mendapat kebenaran secara bertulis daripada UiTM.
 - ii. Membenarkan akses dan/atau penggunaan Harta Intelek yang dihasilkan mereka, tetapi dalam keadaan di mana hak milik dan/atau kepentingannya dituntut oleh UiTM, kepada mana-mana Pihak Luar.
 - iii. Membenarkan akses dan/atau penggunaan dana, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UiTM kepada Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek.
 - iv. Memberikan bantuan kepakaran/kemahiran kepada Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek selain dari mana-mana Harta Intelek yang mana UiTM tidak menuntut hak milik di bawah Dasar ini.
- b. Dalam keadaan di mana UiTM memberi kebenaran bagi mana-mana perkara yang diperihalkan di atas, Staf atau Pelajar tersebut hendaklah memastikan bahawa satu Perjanjian dimasuki di antara UiTM, Staf atau Pelajar tersebut dengan Pihak Luar. Bagi memastikan hak dan kepentingan UiTM, Staf dan Pelajar ke atas Harta Intelek yang dihasilkan di bawah Perjanjian tersebut tidak diabaikan, terma dan syarat Perjanjian tersebut hendaklah seboleh mungkin merujuk kepada dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.

8.3 Larangan Mendedahkan Rahsia Perdagangan/Maklumat Sulit Kepada Pihak Luar/Pihak Ketiga

- a. Mana-mana Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM yang telah menerima atau telah didedahkan dengan apa-apa Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan oleh mana-mana pihak, mempunyai tanggungjawab untuk tidak mendedahkan Maklumat Sulit/Rahsia Perdagangan tersebut kepada Pihak Luar atau kepada mana-mana pihak ketiga yang lain.
- b. Larangan ini terpakai ke atas semua Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM tanpa mengambil kira sama ada Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu tersebut telah atau belum menandatangani Perjanjian Kerahsiaan, Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat atau apa-apa Perjanjian lain yang mewujudkan obligasi tersebut.

- c. Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan tersebut hanya boleh didedahkan kepada Pihak Luar atau mana-mana pihak ketiga, jika sekiranya Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu tersebut telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik sah Rahsia Perdagangan atau Maklumat Sulit berkenaan.

9. PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

- 9.1 UiTM menghargai dan mengiktiraf sumbangan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu selaku karyawan, pencipta, pereka dan pembiak baka baru yang menghasilkan Harta Intelekt yang menjadi hak milik UiTM dan/atau diserahkan hak, dilesenkan secara eksklusif/bukan eksklusif kepada UiTM.
- 9.2 Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan, Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan karya, ciptaan, rekaan, baka baru atau lain-lain kategori Harta Intelekt:
 - a. Berhak memberi pandangan dan buah fikiran berhubung permohonan perlindungan, pemberian hak milik atau kepentingan, penguatkuasaan hak dan kepentingan dan eksploitasi Harta Intelekt yang dihasilkannya.
 - b. Layak untuk memperoleh sebahagian royalti/pendapatan hasil daripada pengkomersialan Harta Intelekt, tertakluk kepada peruntukan yang termaktub di dalam Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt UiTM 2013.
 - c. Boleh dipertimbangkan untuk diberikan anugerah, insentif atau imbuhan, yang mana sesuai dan berkenaan.
- 9.3 Tanpa mengambil kira sama ada Hak Harta Intelekt tersebut dimiliki, diserahkan hak dan/atau dilesenkan secara eksklusif/bukan eksklusif kepada UiTM, penghasilan Harta Intelekt itu sendiri boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada kriteria untuk urusan kenaikan pangkat, pemberian biasiswa dan pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang kepada seseorang Staf UiTM.
- 9.4 UiTM juga mengiktiraf hak-hak moral karyawan yang dilindungi di bawah undang-undang Harta Intelekt, khususnya Akta Hak Cipta 1987. UiTM selaku pemilik atau pemegang kepentingan ke atas mana-mana Harta Intelekt akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi hak-hak moral karyawan. UiTM bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa apa-apa perubahan atau modifikasi kepada sesuatu karya tidak membawa kesan buruk kepada reputasi atau kehormatan pencipta atau karyawan berkenaan.

10. INSENTIF KHAS KEPADA PENCIPTA

Pencipta yang merupakan Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UiTM yang berjaya menghasilkan ciptaan (sama ada secara bersendirian atau bersama) yang menjadi hak milik UiTM dan ciptaan itu memenuhi kriteria asas mendapatkan perlindungan di bawah undang-undang paten adalah layak dipertimbangkan untuk diberi insentif khas sebagaimana yang ditetapkan oleh UiTM.

11. TANGGUNGJAWAB MEMBERI MAKLUMAN BERHUBUNG PENGHASILAN HARTA INTELEK

11.1 Semua Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang, menghasilkan Harta Intelek yang mana UiTM menuntut hak milik dan/atau kepentingan di bawah Dasar ini hendaklah memaklumkan secara bertulis berhubung penghasilan Harta Intelek tersebut kepada UiTM melalui Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM) dalam tempoh masa yang munasabah sebagaimana ditetapkan oleh UiTM.

11.2 Makluman tersebut hendaklah mengandungi butiran-butiran asas berikut:

- a. Tarikh Harta Intelek tersebut dihasilkan.
- b. Identiti Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu yang menyumbang kepada penghasilan Harta Intelek itu.
- c. Kategori Harta Intelek (karya, ciptaan, rekaan, baka biak baru, dan lain-lain),
- d. Sama ada kriteria asas perlindungan Hak Harta Intelek berjaya dipenuhi.
- e. Lain-lain pihak yang berhak untuk menuntut hak atau kepentingan ke atas harta intelek tersebut.

11.3 Jika dirasakan perlu, BITCOM boleh meminta apa-apa maklumat tambahan daripada pihak yang memberi makluman tersebut bagi tujuan yang diperihalkan di atas.

11.4 Sebaik menerima makluman/maklumat tambahan tersebut, BITCOM selepas memastikan bahawa UiTM adalah pemilik sah dan mutlak Harta Intelek tersebut, hendaklah dalam tempoh yang munasabah mengesyorkan kepada Jawatankuasa Harta Intelek (JHIP) UiTM sama ada wajar untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek.

11.5 JHIP selepas mendapat syor daripada BITCOM, hendaklah dalam tempoh yang munasabah membuat keputusan sama ada ingin memohon perlindungan Hak Harta

Intelek atau tidak.

- 11.6 Apabila JHIP memutuskan untuk memohon perlindungan ke atas Harta Intelek tersebut, BITCOM hendaklah mengambil semua tindakan yang wajar dan perlu bagi melaksanakan keputusan tersebut.
- 11.7 Kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam permohonan perlindungan Hak Harta Intelek di bawah dasar ini akan ditanggung sepenuhnya oleh UiTM.
- 11.8 Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang mana Harta Intelek yang dihasilkannya terlibat dengan proses mendapatkan perlindungan Hak Harta Intelek hendaklah memberikan kerjasama yang sewajarnya dan dengan segera apabila diminta menyempurnakan semua dokumen yang diperlukan bagi membolehkan permohonan perlindungan Hak Harta Intelek dibuat.
- 11.9 Dalam keadaan di mana JHIP UiTM membuat keputusan untuk tidak memohon perlindungan ke atas Hak Harta Intelek tersebut, notis secara bertulis berhubung keputusan tersebut akan diberikan oleh BITCOM kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu berkenaan secepat yang mungkin.
- 11.10 Sebaik menerima notis tersebut, Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek tersebut boleh membuat permohonan kepada UiTM melalui BITCOM supaya hak milik ke atas Harta Intelek UiTM diserahkan kepadanya. Senat UiTM mempunyai budi-bicara penuh dalam memutuskan sama ada untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UiTM tersebut kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang membuat permohonan tersebut dengan atau tanpa balasan.
- 11.11 Dalam keadaan di mana Senat UiTM bersetuju dengan permohonan untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UiTM kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu tersebut, satu Perjanjian Penyerahan Hak akan disediakan secepat mungkin oleh BITCOM. UiTM selaku penyerah hak boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Intelek tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai.
- 11.12 Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menerima serah hak milik Harta Intelek tersebut adalah bebas memulakan proses memfailkan permohonan perlindungan, peneksplotasian dan/atau pengkomersialan Harta Intelek berkenaan dengan kosnya sendiri. Selain daripada hak dan kepentingan yang diperihalkan di fasal 11.11 di atas, UiTM tidak akan menuntut apa-apa hak, kepentingan dan manfaat yang timbul daripada peneksplotasian dan/atau pengkomersialan Hak Harta Intelek tersebut.

12. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 12.1 Apabila berlaku pertikaian yang berpunca daripada pelaksanaan Dasar ini, atau dalam apa-apa perkara yang berkait dengan Dasar ini, UiTM akan cuba menyelesaikan pertikaian tersebut secara rundingan dengan pihak-pihak berkenaan, tanpa mengambil kira sama ada ia melibatkan UiTM secara langsung atau tidak langsung.
- 12.2 Apabila pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan secara rundingan, maka ia hendaklah dirujuk kepada penimbang tara, yang mana pelantikan dan kos timbang tara hendaklah dipersetujui oleh semua pihak terbabit.
- 12.3 Apabila satu pihak tidak bersetuju dengan pelantikan atau kos timbang tara atau apabila satu pihak gagal/enggan/abai untuk bertindak, maka pihak yang satu lagi boleh memohon kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk melantik penimbang tara dan penimbang tara yang dilantik itu hendaklah dianggap sebagai telah dilantik dengan persetujuan semua pihak.
- 12.4 Timbang Tara hendaklah diadakan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dan hendaklah dijalankan menurut Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.
- 12.5 Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara ialah Bahasa Inggeris dan pendapat serta *award*, jika ada, oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

13. PERLAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN DASAR INI

- 13.1 Senat UiTM selaku 'Custodian' Dasar ini telah menurunkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersialan (JHIP) UiTM untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini.
- 13.2 JHIP UiTM adalah Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Penyelidikan Universiti (MPU) dengan punca kuasa Seksyen 16A (8) dan (9) Akta UiTM 1976 (Akta 173) dan dianggotai oleh:

Pengerusi Tetap	Pengarah Business Innovation and Technology Commercialization Centre (BITCOM)
Pengerusi Ganti /Ahli/Turut Hadir	Timbalan Pengarah Pemindahan Teknologi & Pengkomersialan (BITCOM) Timbalan Pengarah Perundangan & Pengurusan Harta Intelek (BITCOM)
Ahli	Koordinator Pengurusan Harta Intelek (BITCOM) Tiga (3) wakil Profesor Wakil Fakulti Undang-undang (Bidang Harta Intelek) Penasihat Undang-undang atau Wakil Tetap yang dilantik Bendahari atau Wakil Tetap yang dilantik oleh Bendahari
Setiausaha	Penolong Pendaftar BITCOM
Urus setia	Pejabat BITCOM
Kuasa Melantik	Pengerusi dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Pengerusi Ganti/ Setiausaha / Ahli - dilantik oleh Pengerusi JKHIP
Tempoh	2 tahun
Kekerapan Mesyuarat	Sekurang-kurangnya 4 kali setahun
Kuorum Mesyuarat	Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli termasuk Pengerusi
Fungsi & Bidang Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Bertanggungjawab kepada Senat dalam hal ehwal pengurusan harta intelek dan pengkomersialan Universiti. ii. Mengkaji dan mengesahkan dasar/pindaan dasar dan hala tuju, perancangan strategik dan pembangunan harta intelek dan pengkomersialan universiti. iii. Melaksanakan dasar dan garis panduan untuk aktiviti harta intelek dan pengkomersialan. iv. Memantau pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar harta intelek dan pengkomersialan Universiti. v. Mengesyorkan dasar baharu Harta Intelek dan Pengkomersialan kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti untuk sokongan.

	<ul style="list-style-type: none"> vi. Mengenalpasti dan melantik penilai di peringkat Universiti yang meneliti permohonan perlindungan harta intelek dan pengkomersialan daripada penyelidik. vii. Memastikan penilaian dilakukan mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan. viii. Memantau kemajuan pembangunan produk ix. Meluluskan permohonan baru perlindungan harta intelek (paten, rekabentuk industri, dan cap dagang) x. Menilai dan meluluskan perjanjian pengkomersialan/perlesenan, penubuhan Syarikat Permula dan penubuhan Syarikat Hiliran/Terbitan (Spin-Off). xii. Pelaporan kemajuan penjanaaan hasil daripada pengkomersialan harta intelek. xiii. Menimbang dan meluluskan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hal ehwal dan pengkomersialan termasuk penyelidik, prasarana dan hasilan Universiti untuk pengesahan Senat. xiv. Membincangkan laporan pencapaian pengkomersialan serta cadangan penambahbaikan berterusan.
<p>Agenda Mesyuarat</p>	<p>Pengisytiharan Kepentingan</p> <p>Kata Alu-aluan Pengerusi</p> <p>Bahagian A: Mengesahkan Minit Mesyuarat</p> <p>Perkara Berbangkit</p> <p>Bahagian B: Perbincangan</p> <p>B.1: Statistik Harta Intelek UiTM.</p> <p>B.2: Senarai Paten yang diwartakan, Pemfailan Paten</p> <p>B.3: Status Perjanjian Pengkomersialan</p> <p>B.4: Status Syarikat Pemula UiTM</p> <p>B.5: Status Produk/Teknologi Pengkomersialan</p> <p>Bahagian C: Hal-hal Lain</p> <p>C.1: Laporan Kewangan</p>

13.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersialan (JHIP) UiTM

- a. JHIP UiTM bertanggungjawab memastikan Dasar ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya dan hendaklah dari semasa ke semasa atau apabila diminta memaklumkan kepada Senat UiTM dan Majlis Penyelidikan Universiti berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini.
- b. Jika berlaku sebarang ketidakpatuhan/pemecahan tanggungjawab/perlanggaran oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu terhadap mana-mana peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini, JHIP UiTM boleh mencadangkan kepada Senat UiTM untuk mengambil langkah-langkah yang perlu (sama ada berbentuk perundangan atau pentadbiran) terhadap pihak yang bertanggungjawab ke atas ketidakpatuhan/pemecahan tanggungjawab/perlanggaran dasar tersebut.
- c. Dalam melaksanakan tanggungjawab di atas, JHIP UiTM antara lainnya diberi kuasa seperti berikut:
 - i. Membuat keputusan berhubung dengan pelaksanaan dan pematuhan Dasar ini.
 - ii. Melantik Jawatankuasa Kecil atau ahli sebagaimana yang diperlukan untuk membantu JHIP (dan bukan untuk membuat keputusan bagi pihak JHIP) di dalam melaksanakan Dasar ini.
 - iii. Mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini.
 - iv. Menjalankan semua perkara lain yang perlu bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan Dasar ini.
 - v. Menimbang dan membawa apa-apa cadangan pindaan atau semakan ke atas Dasar ini kepada Senat UiTM.

13.4 Tanggungjawab Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM)

- a. BITCOM selaku Urus setia di dalam JHIP UiTM memikul tanggungjawab sebagai agen pelaksana Dasar ini.
- b. Antara tanggungjawab utama BITCOM selaku agen pelaksana Dasar ini adalah seperti berikut:
 - i. Memastikan apa-apa keputusan dan/atau arahan yang dibuat oleh JHIP UiTM/Senat UiTM di bawah Dasar ini dilaksanakan dengan jayanya.
 - ii. Menyimpan dan mengemas kini portfolio dan pangkalan data Harta Intelek

- UiTM bagi tujuan rujukan umum, audit, penilaian, sorotan teknologi, pengkomersialan, urusan kenaikan pangkat, pemberian anugerah/insentif dan lain-lain tujuan/urusan yang bersesuaian.
- iii. Memberikan input/nasihat/khidmat perundangan dan teknikal kepada JHIP UiTM berhubung proses memohon perlindungan Harta Intelekt, penentuan hak milik, hak dan kepentingan ke atas Harta Intelekt, penguatkuasaan hak dan kepentingan Harta Intelekt, eksploitasi dan pengkomersialan Harta Intelekt dan sebagainya.
 - iv. Menasihati JHIP UiTM dalam perkara berkaitan penilaian teknikal, penilaian risiko, mengenal pasti potensi pengkomersialan dan eksploitasi Hak Harta Intelekt.
 - v. Mengendalikan rundingan penyerahan hak, pelesenan dan pemindahan teknologi sama ada dengan Staf, Pelajar, Rakan Sekutu UiTM atau pihak luar yang melibatkan Harta Intelekt UiTM.
 - vi. Menyediakan draf Perjanjian Penyerahan Hak, Pelesenan, Pemindahan Teknologi, Kerahsiaan dan lain-lain Perjanjian yang melibatkan Harta Intelekt UiTM.
 - vii. Memantau dan mengambil tindakan segera dan perlu jika terdapat sebarang pelanggaran oleh mana-mana pihak ke atas hak dan kepentingan UiTM ke atas Harta Intelekt UiTM.
 - viii. Melantik firma guaman/agen Harta Intelekt yang berkelayakan bagi mengendalikan urusan berkaitan permohonan, pendaftaran, perlindungan dan penguatkuasaan Harta Intelekt UiTM.
 - ix. Menyasiat secara terperinci dan membantu UiTM mencari jalan penyelesaian secara adil dan saksama bagi sebarang pertikaian yang melibatkan Harta Intelekt UiTM.
 - x. Menyebar, memberi maklumat dan menjelaskan inti pati Dasar ini kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui penerbitan, bengkel, seminar dan kursus.
 - xi. Mencadangkan apa-apa garis panduan yang perlu bagi memperincikan dan memperkemas pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini; dan
 - xii. Mencadangkan apa-apa pindaan yang perlu kepada Dasar ini.

14. KUASA UNIVERSITI

- 14.1 Senat UiTM boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan/pindaan dibuat ke atas Dasar ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.
- 14.2 Senat UiTM juga boleh membenarkan apa-apa pengenejian (waiver) dan/atau pengecualian daripada mana-mana fasal di dalam Dasar ini jika difikirkan sesuai dan perlu. Sebarang pengenejian dan/atau pengecualian hanya bersifat sementara dan berdasarkan sesuatu keadaan, serta tidak membawa kesan sehingga mengubah/meminda/memansuhkan mana- mana fasal yang terbabit.

15. TARIKH DASAR INI BERKUAT KUASA

- 15.1 Dasar ini berkuat kuasa mulai dari tahun 2019.
- 15.2 Daripada tarikh Dasar ini berkuat kuasa, kesemua peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini (setakat yang berkenaan) hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian terma dan syarat di dalam semua kontrak (termasuk kontrak perkhidmatan), perjanjian, surat tawaran dan penerimaan dan lain-lain dokumen yang berkaitan di antara UiTM dengan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM.
- 15.3 Penguatkuasaan Dasar ini tidak memberi kesan ke belakang (retrospective) terhadap mana- mana hak milik atau lain-lain hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek, yang diberikan kepada dan dipegang oleh UiTM, Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UiTM yang wujud sebelum daripada Dasar ini mula berkuat kuasa.

RUJUKAN

Akta Hak Cipta (1987) Malaysia

Akta Paten (1983) Malaysia

Akta Cap Dagangan (2019) Malaysia

Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (2004) Malaysia

Akta Petunjuk Geografi (2021) Malaysia

Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri (1996) Malaysia

Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu (2000) Malaysia

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dasar Harta Intelek Negara. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, 2007.

Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi. Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Untuk Projek Penyelidikan Dan Pembangunan Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi Malaysia, 2009.

Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi,. Dasar Sains, Teknologi, Dan Inovasi Negara. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi, 2010.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

NOTA